



POLISI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Arus sawit Sdn Bhd memberi komitmen penuh terhadap pematuhan undang-undang keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Syarikat akan berusaha mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan mampan kepada semua pekerja, kontraktor, pelanggan dan pelawat dalam semua aspek operasinya, sejajar dengan prinsip kelestarian MSPO dan IMS.

Arus Sawit Sdn Bhd dengan ini akan mengekalkan dan melaksanakan dasar-dasar berikut:

- a. Komitmen untuk mematuhi perundangan keselamatan, kesihatan pekerjaan dan alam sekitar yang sedia ada serta mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan lestari kepada semua pekerja.
- b. Melaksanakan serta mengekalkan sistem keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan pengurusan perubahan iklim yang selaras dengan keperluan pensijilan MSPO, ISO 45001:2018 dan ISO 14001:2015.
- c. Mengemaskini Polisi Keselamatan dan Kesihatan dari semasa ke semasa bagi memastikan ia bersesuaian dengan perubahan perundangan, risiko perniagaan dan impak perubahan iklim terhadap operasi syarikat.
- d. Melaksanakan peraturan keselamatan dan kaedah kerja selamat serta pengurusan risiko iklim bagi mencegah kemalangan, bahaya keselamatan, kerosakan harta benda dan gangguan operasi kepada pekerja, kontraktor dan pelawat.
- e. Menyediakan latihan, maklumat dan arahan keselamatan, kesihatan serta kesedaran terhadap perubahan iklim kepada semua pekerja, kontraktor dan pelawat bagi memastikan kesediaan serta keupayaan bertindak balas terhadap risiko berkaitan.
- f. Menjalankan penambahbaikan berterusan terhadap aspek keselamatan, kesihatan dan pengurusan perubahan iklim di tempat kerja melalui pemantauan dan penilaian risiko secara berkala.
- g. Memastikan pengurusan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan dilaksanakan secara efektif dengan penambahbaikan yang berterusan.
- h. Memberi komitmen terhadap penghapusan bahaya dan pengurangan risiko keselamatan, kesihatan dan persekitaran melalui perancangan kontingensi, peningkatan infrastruktur dan adaptasi amalan kerja terhadap kesan perubahan iklim (seperti banjir, haba melampau dan kemarau).

DR. LAWRENCE CHU
Pengarah, Arus Sawit Sdn. Bhd.

Dikemaskini Pada: 19.06.2025